

Sejuta Cinta saya untuk Malaysia



SAYA meminati lagu-lagu patriotik sejak kecil lagi. Salah satu faktornya adalah disebabkan saya dilahirkan pada 16 September yang merupakan Hari Malaysia. Lagu-lagu patriotik seperti Jalur Gemilang, Keranamu Malaysia, Warisan, Standing In The Eyes of The World dan banyak lagi yang sememangnya menjadi pujaan hati setiap individu dan masyarakat di negara ini.

Pada era modenisasi ini pula, banyak lagi lagu patriotik baharu yang dicipta untuk menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat khususnya anak muda seperti Negaraku, Malaysia ciptaan Faizal Tahir dan Kita Punya Malaysia, iaitu lagu rasmi Hari Kebangsaan Malaysia ke-61 oleh Bunkface.

Di sini saya ingin berkongsi pengalaman saya mencipta lagu patriotik serta terlibat dengan produksi sendiri dalam menyemarakkan juga semangat patriotisme bersama rakan-rakan lain sewaktu di universiti. Minat ini timbul setelah saya berjaya mencipta sebuah lagu patriotik yang berjudul Sejuta Cinta untuk tugas subjek Kenegaraan dan akhirnya saya dan rakan-rakan tugas saya berjaya mendapat Johan Keseluruhan Projek Video Malaysia 2016 anjuran Media Prima.

Lagu Sejuta Cinta telah mendapat tontonan di Youtube sebanyak 66,000 sejak 2016. Lagu ini pada asalnya dicipta hanyalah untuk tugas subjek Kenegaraan sewaktu saya masih lagi mengikuti pengajian Ijazah sarjana Muda di UPM. Saya mendapat khidmat nasihat serta bantuan gubahan muzik oleh seorang komposer profesional yang juga merupakan felo Kolej Canselor, UPM iaitu Khairul Daniel atau lebih dikenali sebagai KD.

Pada tahun berikutnya, saya telah membuat produksi sendiri dengan bajet yang terhad. Lagu ini pula berjudul, Generasi Negaraku yang mempunyai mesej yang ingin disampaikan kepada Generasi Muda agar tidak gentar dan takut untuk mengejar impian serta menyemai semangat patriotisme dalam kalangan mereka.

Lagu kali ini bersifat versatil dan lebih moden. Keunikan lagu ini adalah disebabkan liriknya yang terdiri daripada pelbagai bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Iban. Kesemua krew yang terlibat adalah pelajar serta alumni UPM, USM, UM dan UiTM. Lagu ini telah mendapat tontonan umum di Facebook sebanyak 50,000.

Saya mengharapkan agar kesemua lapisan masyarakat mempunyai semangat cintakan negara walau apa jua yang terjadi. Kita adalah banteng kepada negara kita dan harapan saya agar lagu-lagu patriotik ciptaan rakyat Malaysia dapat diketengahkan lagi. Saya juga berharap suatu hari nanti saya mampu menghasilkan lagu-lagu patriotik yang lebih berkualiti dan mampu diterima masyarakat Malaysia. Saya juga berharap suatu hari nanti saya mendapat peluang untuk mencipta bersama, atau berduet dengan idola saya iaitu Faizal Tahir.

